


## KENYATAAN PERMOHONAN MENGEMUKAKAN CADANGAN (RFP)

Malaysia Rapid Transit Corporation Sdn Bhd (902884-V) ("MRT Corp") ialah sebuah syarikat yang dimiliki oleh Menteri Kewangan (Diperbadankan). Sebagai pemaju infrastruktur rel metro Malaysia, MRT Corp diamanahkan dengan pembangunan dan penyiapan projek rel bandar strategik seperti Transit Aliran Deras Lembah Klang (KVMRT), RTS Link Johor Bahru - Singapura, dan Laluan LRT Mutiara Pulau Pinang, untuk menyokong mobiliti mampan dan pembangunan negara.

MRT Corp ingin mempelawa pemohon-pemohon yang berminat untuk mengemukakan cadangan bagi RFP berikut:

TAJUK DAN NOMBOR RFP	KRITERIA MANDATORI	SYARAT-SYARAT RFP	SESI TAKLIMAT RFP (KEHADIRAN ADALAH WAJIB BAGI YANG BERMINTA MENYERTA)
<p><b>PACKAGE A (STATION &amp; TRAIN) : REQUEST FOR PROPOSAL (RFP) FOR DESIGN, BUILD, OPERATE AND TRANSFER (DBOT) ADVERTISING MEDIA CONCESSIONAIRE OF KAJANG LINE &amp; PUTRAJAYA LINE FOR MALAYSIA RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD.</b></p> <p>(NO RFP: Mulp-MRTC-GENE-OVPR-RFP-000001)</p>	<p><b>Kriteria Teknikal Mandatori:</b> Pembida/Usahasama/Konsortium mestilah mempunyai pengalaman sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam Media Pengiklanan <i>out-of-home</i></p> <p><b>Kriteria Kewangan Mandatori:</b> Modal berbayar minimum ATAU bersamaan (untuk syarikat berdaftar asing) sebanyak Ringgit Malaysia LIMA RATUS RIBU (RM 500,000.00) berdasarkan tahun kewangan terkini.</p>	<p><b>Syarikat/Pemohon mestilah memenuhi syarat berikut:</b></p> <p><b>1. Syarikat Malaysia / Tempatan:</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Sijil Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).</li> <li>Mempunyai <b>Sijil Pematuhan Cukai</b> atau <b>Tax Compliance Certificate (TCC)</b> dengan status '<b>Patuh</b>'</li> </ol> <p><b>2. Syarikat-Syarikat Asing:</b></p> <p>Syarikat asing perlu menyediakan Salinan Sijil Penubuhan Syarikat yang disahkan oleh notari di negara syarikat ditubuhkan.</p>	<p>Tarikh : <b>30 April 2026 (Khamis)</b> Waktu : <b>10:00 pagi</b> Tempat : <b>Platform Zoom (Atas Talian)</b></p> <p>Untuk menyertai Taklimat RFP ini, semua peserta dikehendaki membuat pra pendaftaran secara atas talian yang boleh diperolehi di salah satu pautan dibawah atau melalui kod QR yang disediakan: 1. Laman Web MRT Corp <a href="http://www.mymrt.com.my">http://www.mymrt.com.my</a>; 2. <a href="https://forms.gle/HxZghqNsT2Wvyn5M6">https://forms.gle/HxZghqNsT2Wvyn5M6</a>; 3. Mengimbas kod QR yang disediakan:</p> <div data-bbox="1460 737 1636 911" style="text-align: center;">  </div>
<p><b>PACKAGE B (OUTDOOR) : REQUEST FOR PROPOSAL (RFP) FOR DESIGN, BUILD, OPERATE AND TRANSFER (DBOT) ADVERTISING MEDIA CONCESSIONAIRE OF KAJANG LINE &amp; PUTRAJAYA LINE FOR MALAYSIA RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD.</b></p> <p>(NO RFP: Mulp-MRTC-GENE-OVPR-RFP-000002)</p>			<p>Proses pra-pendaftaran akan bermula pada <b>Rabu, 22 April 2026 sehingga Rabu, 29 April 2026</b>. Hanya Pemohon yang telah membuat pra-pendaftaran dan memenuhi syarat-syarat wajib yang ditetapkan akan dijemput ke sesi taklimat. Maklumat lanjut berkaitan sesi taklimat akan diberitahu sebaik sahaja pra-pendaftaran diluluskan. Hanya Pemohon yang telah mendaftar akan menerima ID Zoom dan pautan melalui e-mel untuk menyertai sesi taklimat RFP secara dalam talian.</p> <p>Dokumen RFP hanya akan diedarkan melalui e-mel kepada Pemohon yang menghadiri sesi taklimat RFP.</p>

Dokumen RFP hendaklah dikemukakan secara serahan tangan ('by hand') selewat-lewatnya pada jam **12.00 tengah hari, Jumaat, 3 Julai 2026** ke dalam Peti Tender di MRT Corp, Jabatan Perolehan, Tingkat 6, Menara I&P1, No. 46, Jalan Dungun, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur. Sebarang kelewatan di dalam penyerahan Dokumen Tawaran ini tidak akan diterima.

### Nota:

- Pembida dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan badan pendaftaran yang berkaitan seperti yang diperincikan dalam jadual di atas. Pendaftaran mestilah masih sah dan dibenarkan membuat tawaran dalam tempoh tawaran.
- Penyertaan secara entiti tunggal adalah dibenarkan.
- Penyertaan secara usaha sama hendaklah terhad kepada satu (1) pembentukan Usahasama atau Konsortium yang terdiri daripada hanya dua (2) syarikat sahaja.
- Penyertaan syarikat asing hanya dibenarkan melalui pengaturan usaha sama (JV) dengan syarikat Malaysia sebagai pemegang saham majoriti.
- Pihak pemohon yang menyertai secara Usahasama/Konsortium hendaklah mengemukakan Perjanjian Usahasama atau Konsortium bersama-sama dengan dokumen RFP. Perjanjian tersebut perlu menyatakan rakan kongsi utama, ekuiti rakan Usahasama/Konsortium dan juga klausa "*Jointly and Severally Liable*" ke atas semua rakan Usahasama/Konsortium tersebut. Pembida dilarang untuk menukar rakan kongsi Usahasama/Konsortium selepas tarikh tutup.
- Syarikat/Konsortium/Usaha Bersama yang membida mestilah berkemampuan untuk melaksanakan Perjanjian DBOT untuk tempoh **TUJUH (7) tahun**.
- Pembida hanya dibenarkan untuk mengemukakan satu (1) penyertaan RFP sahaja untuk setiap pakej sama ada sebagai sebuah entiti syarikat atau Usahasama/ Konsortium.
- Kesemua pembida mestilah mematuhi kesemua keperluan statutori dan undang-undang termasuklah pindaan yang berkaitan yang dikuatkuasa oleh Kerajaan Malaysia.
- MRT Corp berhak untuk menerima atau menolak mana-mana bidaan dari mana-mana Pembida tanpa menyatakan apa-apa sebab serta tanpa menanggung sebarang liabiliti dari segala segi terhadap Pembida yang terlibat atau menyatakan sebab keputusan tersebut dibuat.
- Sebarang pertanyaan berhubung dengan RFP ini hendaklah dibuat secara bertulis dan e-mel ke [procurement@mymrt.com.my](mailto:procurement@mymrt.com.my).